

Tarikh Dibaca: 21 Februari 2025M | 22 Sya'ban 1446H



ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“MULIAMU DENGAN ILMU”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“MULIAMU DENGAN ILMU”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو
الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah

¹ Ali-Imran: 18

² Ali-Imran: 102.

diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"MULIAMU DENGAN ILMU"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Para pencinta al-Quran yang sering membaca dan mentadabbur al-Quran pasti menyedari bahawa ilmu adalah antara topik utama yang diwacanakan al-Quran. Perkara ini dibuktikan bahawa perkataan 'ilmu' atau kata terbitan daripadanya seperti alim, ulama dan seumpamanya berulang kali disebut dalam al-Quran. Bahkan, wahyu pertama adalah penegasan berkaitan kedudukan serta kepentingan ilmu melalui pembacaan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-'Alaq ayat 1-5 yang bermaksud:

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajar manusia apa-apa yang tidak diketahuinya".

Ayat suci di atas merupakan perintah kepada Nabi Muhammad SAW serta setiap individu di kalangan umatnya agar membaca dan menuntut ilmu. Sama ada ilmu yang memberi manfaat kepada dirinya atau kepada orang lain, sama ada ilmu yang memberi manfaat dalam urusan dunianya mahu pun dalam meraih kebahagiaan akhirat yang kekal abadi. Sesungguhnya, orang berilmu, ilmuwan atau ulama memiliki keistimewaan tersendiri dengan

ilmu dan pengetahuannya. Kefahaman dan kebijaksanaan yang dimiliki membezakan mereka dengan golongan yang tidak berilmu.

Firman Allah SWT yang menjelaskan status kedudukan orang berilmu dalam surah al-Zumar ayat 9:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ
أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

"Katakanlah lagi (kepadanya): Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna".

Akal yang disirami dengan ilmu menjadikan seseorang itu lebih rasional dan mengenali sesuatu. Allah SWT mengangkat darjat orang yang berilmu serta menyatakan secara jelas perbezaan antara mereka yang berilmu dengan mereka yang tidak berilmu.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,

Ilmu menurut Islam dibahagikan kepada dua iaitu ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Ilmu fardu ain ialah ilmu yang wajib bagi setiap Muslim yang terdiri daripada ilmu akidah, feqah dan tasawuf. Ilmu ini menjadi asas agar setiap Muslim dapat menjalani kehidupannya sesuai dengan perintah serta larangan Allah SWT. Ilmu akidah berperanan menjelaskan aspek kepercayaan terhadap Rukun Iman, ilmu feqah menjelaskan aspek pengamalan terhadap Rukun Islam dan ilmu tasawuf menjelaskan aspek kerohanian dalam mencapai penghayatan Ihsan iaitu perasaan bertuhan

dengan penuh sifat kehambaan. Adapun ilmu fardu kifayah adalah ilmu yang bertujuan memenuhi keperluan umat seperti pendidikan, perubatan, kejuruteraan dan seumpamanya.

Secara kolektif, ilmu duniawi bukan sahaja memenuhi tuntutan kehidupan tetapi juga menjadi ibadah apabila diniatkan kerana Allah SWT serta bertujuan memberikan manfaat kepada orang lain. Keseimbangan antara ilmu fardu ain dan fardu kifayah amat penting kerana kedua-duanya saling melengkapi. Ilmu fardu ain bukan sahaja menjaga hubungan kita dengan Allah SWT, tetapi juga membimbing interaksi sesama manusia melalui aspek seperti muamalat dan zakat. Sementara itu, ilmu fardu kifayah memastikan kemajuan, kemampunan, dan kesejahteraan masyarakat umat Islam tidak ketinggalan serta sentiasa berada di landasan yang benar.

Dengan menguasai ilmu seperti perubatan, ekonomi, sains, dan pengurusan, umat Islam dapat membangunkan kehidupan yang selari dengan tuntutan syariat, sekali gus mengelakkan kejahilan dan kelemahan yang boleh membawa kepada penyimpangan dan ketidakcekapan dalam mengurus kehidupan.

Hadis daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

"Menuntut ilmu itu wajib atas setiap Muslim."

(Riwayat Ibnu Majah).

Kaum Muslimin yang berbahagia,

Sekiranya ilmu itu disifatkan sebagai cahaya maka sebaliknya jahil itu adalah kegelapan. Kehidupan tanpa ilmu bakal mengakibatkan kehinaan, kejahilan dan kebinasaan bukan sahaja terhadap individu tetapi akibatnya menular kepada keluarga, masyarakat dan negara. Rasulullah SAW mengingatkan bahawa pengabaian terhadap ilmu adalah antara tanda-tanda akhir zaman.

Hadis daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يَقِلَّ الْعِلْمُ، وَيَظْهَرَ الْجَهْلُ،
وَيَظْهَرَ الزَّانَا، وَتَكْثُرُ النِّسَاءُ وَيَقِلَّ الرَّجَالُ

"Di antara tanda-tanda kiamat ialah apabila ilmu semakin berkurangan, kejahilan semakin ketara, zina semakin berleluasa, jumlah kaum wanita bertambah banyak dan jumlah kaum lelaki semakin berkurangan..."

(Riwayat al-Bukhari).

Terdahulu, akhbar tempatan melaporkan lebih daripada 10,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendaftar tidak hadir menduduki peperiksaan. Apakah sebabnya? Adakah kerana bencana atau kecemasan? Pelbagai sebab-musabab mungkin boleh dicoretkan. Namun, kita bimbang sebab utamanya adalah sentimen yang merendahkan nilai kedudukan ilmu dan pengabaian terhadapnya. Ingatlah bahawa peperiksaan bukan sekadar medan pengujian akademik tetapi medan pengujian nilai, disiplin, keperibadian, ketekunan dan komitmen.

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Islam bertujuan membina potensi insan secara menyeluruh dalam aspek intelek, emosi, jasmani dan rohani berdasarkan kepada konsep tauhid iaitu kepercayaan kepada Allah SWT Yang Esa. Inilah mesej wahyu pertama yang menegaskan:

"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk!".

Sesungguhnya, hasil daripada pendidikan holistik yang seimbang aspek duniawi dan ukhrawi bakal melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri seterusnya menyumbang kepada keharmonian serta kemakmuran masyarakat dan negara.

Sesi persekolahan tahun 2025 yang baru sahaja bermula pastinya mengundang keterujaan kepada anak-anak yang baharu memulakan pembelajaran dan anak-anak yang melangkah ke tahap pendidikan yang lebih tinggi. Debaran kedua ibu-bapa seharusnya diiringi dengan doa untuk kecemerlangan anak-anak di dunia dan akhiratnya. Para guru semestinya sudah bersiap sedia dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab. Ikhlaslah niat dalam menuntut ilmu dan mengajarkan ilmu semata-mata kerana Allah SWT. Manfaatkan badan yang sihat dan masa yang lapang dalam menghadiri majlis-majlis ilmu. Momentum positif cintakan ilmu dengan hadir ke sekolah atau pusat-pusat pengajian diharapkan berterusan sehingga ke akhir hayat.

Imam al-Syafie mengingatkan bahawa kejahilan bakal mengundang penyesalan sebagaimana dinukilkan dalam syairnya:

فَمَنْ لَمْ يَذُقْ مُرَّ التَّعَلُّمِ سَاعَةً، تَجَرَّعَ ذُلَّ الْجَهْلِ طُولَ

حَيَاتِهِ

"Sesiapa tidak merasai pahitnya menuntut ilmu walau seketika maka dia akan menelan kehinaan kejahilan sepanjang hidupnya."

Hadirin yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa setiap individu muslim tanpa mengira umur, status dan bangsa wajib menuntut ilmu fardu ain yang terdiri daripada ilmu akidah, feqah dan tasawuf.

2. Umat Islam hendaklah mengingati bahawa tanggungjawab menuntut ilmu bukan sahaja kerana tujuan duniawi sebaliknya ukhrawi dalam melahirkan insan yang mengetahui tanggungjawabnya terhadap Allah SWT dan tanggungjawabnya terhadap sesama manusia dan alam seluruhnya.

3. Umat Islam hendaklah berusaha memanfaatkan masa muda, sihat, masa lapang dan hidupnya untuk menjadi manusia yang bermanfaat kepada diri, keluarga, masyarakat, negara dan agamanya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا
كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٦٩﴾

"Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya). Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya dia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya."

(Surah al-Baqarah: 269).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri

kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.